

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JUNE 2017

# Malaysia nikmati manfaat penghormatan tertinggi - PM

Um - 4/6/2017 Pg. 4

Oleh ZAMZURINA AHMAD  
pengarang@utusan.com.my

■ PEKAN 3 JUN

**P**ENGHORMATAN tertinggi terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang 'authentic' atau asli membolehkan negara ini menikmati pelbagai keistimewaan dari sudut agama dan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antara keistimewaan itu adalah Malaysia menjadi antara lima daripada 51 buah negara yang berpeluang menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Negara-negara Arab, Islam dan Amerika Syarikat baru-baru ini.

Selain itu kata beliau, Malaysia mendapat tambahan kuota haji dan mewujudkan Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) di negara ini yang diperoleh menerusi hubungan baik dengan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud.

"Pengiktirafan tertinggi ini turut membolehkan Malaysia menerima pelaburan daripada Saudi Arabian Oil Company (Saudi Aramco) di Pengerang, Johor bernilai RM31 bilion.

"Raja Salman boleh memilih mana-mana negara, tetapi mengapa memilih Malaysia? Inilah yang patut kita tanya dan jawapannya adalah kerana apa yang kita amalkan (ajaran Islam) di sini," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap menutup Ijtimak Kepimpinan Organisasi Menurut Islam, Penyampaian Sumbangan



**NAJIB TUN RAZAK** menyerahkan sumbangan kurma dan air zam-zam kepada salah seorang pengerusi masjid dan surau Parlimen Pekan di Pahang, semalam. Turut hadir Abdul Azeez Abdul Rahim. - MINGGUAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Kepada Masjid dan Surau Parlimen Pekan serta Penyampaian Kurma dan Air Zam Zam Sumbangan Kelab Putera 1Malaysia, di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengerusi Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Sebanyak 60 buah masjid dan 166 surau sekitar Pekan menerima sumbangan buah kurma dan air zam zam serta wang tunai.

Menurut Najib, apa yang Malaysia lakukan adalah atas nama

agama sehingga dasar tersebut dianggap modul Islam terbaik.

"Dari segi Islam, kita untung dan dari segi ekonomi negara juga untung. Mudah-mudahan usaha kita mewujudkan Kompleks Tabung Haji di Mekah dan Madinah direalisasikan bagi membolehkan kita mengawal kenaikan kos mengerjakan ibadat haji supaya berada pada paras lebih rendah.

"Ekonomi kita juga baik yang mana untuk suku pertama tahun

ini mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus manakala nilai mata wang negara mencatatkan prestasi terbaik di ASEAN," ujarnya.

Tambahnya yang juga Ahli Parlimen Pekan, nikmat ekonomi itu turut dirasakan penduduk daerah ini apabila bantuan kepada masjid ditambah menjadi RM1,500 daripada RM1,200, manakala bantuan kepada surau pada tahun ini berjumlah RM1,000 berbanding RM700 sebelum ini.